

KEPERLUAN MODUL BAHASA ARAB DIPERINGKAT PRASEKOLAH: SUATU ULASAN LITERATUR

Siti Nurhajariah Md Isa, Norfaezah Mohd Hamidin

Idi Hamdi, Awatif Abdul Rahman

nurhajariah@kuis.edu.my, norfaezah@kuis.edu.my,
idi.hamdi@kuis.edu.my, & awatif@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Pendidikan prasekolah merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia memperuntukkan pendidikan prasekolah sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia. Pendidikan prasekolah membolehkan kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun menikmati pengalaman pembelajaran lebih awal sebelum memasuki tahun satu di pendidikan rendah. Dewasa ini, prasekolah berlatar belakang Pendidikan Islam menjadi pilihan para ibu bapa. Bahasa Arab merupakan antara subjek yang diajar di peringkat prasekolah berasas Islam. Berdasarkan kajian terhadap minat dan motivasi dalam pembelajaran bahasa asing didapati bahawa ia didasari pembelajaran bermula dari awal. Malah kajian terdahulu, didapati bahawa pelajar yang mempunyai keputusan cemerlang di peringkat menengah mempunyai asas pembelajaran bahasa Arab bermula daripada peringkat prasekolah. Keperluan ini perlu diberi perhatian oleh golongan yang memahami kepentingan Bahasa Arab khususnya dalam pendidikan kanak-kanak. Justeru, kajian ini meneliti maklumat berkaitan potensi-potensi yang membawa kepada keperluan untuk mewujudkan modul bahasa Arab di peringkat prasekolah.

Kata kunci: Pendidikan Prasekolah, Keperluan Modul, Bahasa Arab.

1.0 PENGENALAN

Pendidikan prasekolah merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia. Kementerian pendidikan Malaysia (KPM) melalui Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan pendidikan prasekolah sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia. Pendidikan prasekolah membolehkan kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun menikmati pengalaman pembelajaran lebih awal sebelum memasuki tahun satu di pendidikan rendah. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) menyatakan bahawa pendidikan prasekolah bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep kendiri yang positif pada diri kanak-kanak agar mereka berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak.

Dewasa ini, prasekolah berlatar belakang Pendidikan Islam menjadi pilihan para ibu bapa (Norfaezah & Idi, 2016), di mana mereka memberi penekanan terhadap pendidikan berasaskan Islam ini mulai anak-anak mereka memasuki alam prasekolah. Masyarakat kini berlumba-lumba menghantar anak mereka ke prasekolah bertemakan pendidikan Islam seperti Dzul Iman, PASTI, *Islamic Montessori*, *Genius Aulad* dan *Little Caliphs* (Norfaezah & Idi, 2016). Bahasa Arab merupakan antara subjek yang diajar di peringkat prasekolah berasas Islam. Justeru, kajian ini cuba meneliti maklumat berkaitan potensi-potensi yang membawa kepada keperluan untuk mewujudkan modul bahasa Arab di peringkat prasekolah.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kini, prasekolah berlatar belakang Pendidikan Islam menjadi pilihan para ibu bapa . Bahasa Arab merupakan antara subjek yang diajar di peringkat prasekolah berasas Islam. Peluang ini patut diambil oleh golongan yang memahami kepentingan Bahasa Arab kepada pendidikan kanak-kanak. Kajian ini cuba meneliti maklumat yang membawa kepada keperluan untuk mewujudkan modul bahasa Arab di peringkat prasekolah. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan yang melibatkan penelitian bahan literatur dan dokumen berkaitan.

3.0 PENDIDIKAN PRASEKOLAH

Pendidikan prasekolah secara umumnya melibatkan ilmu Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK). Secara umumnya PAKK dibicarakan dalam kalangan sarjana Islam dan Barat. Antara sarjana Islam yang membahaskan PAKK (Norfaezah et al., 2017) ialah:

- i. Al-Ghazali, menurut beliau anak-anak merupakan tanggungjawab ibu bapa. Jiwa kanak-kanak adalah suci, sangat bernilai, dan bebas daripada sebarang kerosakan. Jika kanak-kanak dibesarkan dalam tingkah laku yang baik, maka mereka akan membesar dalam persekitaran yang baik dan menjadi manusia yang baik. Ibu bapa, guru, penjaga, dan orang lain yang terlibat dalam mendidik kanak-kanak ini akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T. Pendidikan kanak-kanak meliputi pendidikan amalan agama yang bersesuaian melalui amalan khusus dan amalan umum seperti solat. Manakala kaedah pengajaran pula adalah secara berperingkat dari segi tingkah laku dan bacaan. Imam Al-Ghazali menekankan aspek bermain kerana tabiat kanak-kanak, membina tubuh yang kecil dan menguatkan otot. Bermain dapat membuatkan kanak-kanak gembira dan membolehkan kanak-kanak bersantai setelah penat belajar. Al-Ghazali, 1296H. dalam Hasan Langgulung (1979), menyatakan bahawa kanak-kanak merupakan amanah dan tanggungjawab orang tuanya, jiwanya yang suci murni merupakan permata mahal yang bersahaja dan bebas dari ukiran dan gambaran, dan ia boleh menerima setiap ukiran dan cenderung kepada apa yang dicenderungkan kepadanya."
- ii. Ibn Khaldun, menurut beliau kanak-kanak tidak seharusnya diajar perkara yang kompleks. Pembelajaran perlu bermula daripada yang paling mudah kepada yang paling sukar secara berperingkat menggunakan kaedah latih tubi dan bahan konkrit sebagai alat bantu mengajar. Kanak-kanak tidak boleh dibebankan dengan perkara yang melampaui kebolehan mereka kerana ia boleh menyebabkan mereka tidak mahu belajar dan membenci apa yang diajar. Dalam pendekatan pengajaran, guru dan ibu bapa dilarang menggunakan kekerasan kerana ia boleh menyebabkan kanak-kanak menjadi malas, penipu, dan berpura-pura demi menyorokkan kebenaran. Sikap begitu menurut Ibn Khaldun akan menjadi kebiasaan dan kanak-kanak boleh hilang sifat kemanusiaan. Tempoh pembelajaran sepatutnya tidak terlalu lama kerana mungkin akan menyebabkan kanak-kanak lupa. Tempoh pembelajaran singkat menggunakan kaedah yang betul akan

menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna. Ibn Khaldun berpandangan bahawa bahasa merupakan asas kepada ilmu pengetahuan.

- iii. ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan, menurut beliau ibu bapa dan pendidik bertanggungjawab sepenuhnya dalam mencorakkan kehidupan anak. Justeru kanak-kanak perlu diberi pendidikan yang sempurna dan sewajarnya. Ibu bapa juga menjadi teladan kepada anak-anak. Apa yang diamalkan oleh ibu bapa, bakal menjadi ikutan anak-anak melalui proses pembentukan tingkah laku dan keperibadian diri. ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan juga telah menggariskan tujuh aspek pendidikan yang perlu dilaksanakan oleh setiap pihak yang bertanggungjawab terhadap kanak-kanak. Aspek-aspek tersebut ialah aspek pendidikan akidah, akhlak, fizikal, mental, emosi, sosial, dan seksual.

PAKK turut dibicarakan dalam kalangan sarjana barat, antara pandangan berkaitan PAKK dalam kalangan sarjana barat termasuklah;

- i. Johann Heinrich Pestalozzi, beliau menyatakan bahawa ibu bapa adalah guru terbaik dalam mendidik kanak-kanak. Beliau menyatakan ketidakberkesanan teknik pengajaran mengingat dan menghafal, sebaliknya, beliau memberi penekanan kepada penggunaan bahan maujud dan penerokaan kendiri. Pestalozzi percaya bahawa kanak-kanak perlu terlibat dalam aktiviti yang bermakna berasaskan minat dan pengalaman mereka. Beliau mencadangkan agar kanak-kanak diajar berdasarkan tahap keupayaan dan usaha mereka. Pestalozzi juga percaya bahawa pendidikan berasaskan pengalaman deria, di mana kanak-kanak mencapai potensi semula jadi mereka melalui pengalaman deria yang bersesuaian. Menurut beliau lagi, cara terbaik dalam konsep pembelajaran ialah menerusi manipulatif seperti mengira, mengukur, merasa, dan menyentuh.
- ii. Froebelion, beliau merupakan tokoh pendidikan dari Jerman digelar sebagai “Bapa Tadika”. Pada tahun 1837, beliau menubuhkan sekolah taman kanak-kanak yang dinamakan “*kindergarten*”. Beliau menganggap manusia secara semulajadinya adalah baik dan dunia adalah tempat bekerja dan manifestasi terhadap Tuhan. Beliau mengibaratkan kanak-kanak seperti biji benih, manakala ibu bapa dan pendidik umpsama tukang kebun, “*kindergarten*” pula ialah taman untuk kanak-kanak. Oleh itu, kanak-kanak perlu belajar dalam persekitaran yang terancang dan kanak-kanak berkembang melalui bermain. Pendidikan menurut beliau adalah pembinaan watak

atau peribadi kanak-kanak, dan Ia perlu didasarkan kepada keperluan dan keupayaan kanak-kanak. Beliau menekankan kaedah bermain dan belajar melalui membuat. Beliau mencadangkan dalam mendidik kanak-kanak perlu menggunakan objek supaya menimbulkan minat dalam pembelajarannya. Beliau menekankan disiplin diri terhadap kanak-kanak dan motivasi dalaman adalah penting bagi kanak-kanak. Pembelajaran bukanlah sesuatu yang terpisah dan ia saling berkaitan antara satu sama lain.

Di Malaysia dasar PAKK dirangkum dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Dasar KSPK menyediakan peluang kepada murid berumur 4-6 tahun untuk mencapai objektif seperti berikut (Norfaezah et al., 2017): (i) Dari segi jasmani, mempunyai tubuh badan yang sihat, kecerdasan dan kemahiran fizikal asas, mempraktikkan amalan kesihatan yang baik dan langkah-langkah menjaga keselamatan, menguasai kemahiran psikomotor asas seperti kemahiran motor halus dan motor kasar. (ii) Dari segi emosi, mempunyai konsep kendiri yang positif, keyakinan diri, jati diri, berani mencuba, mempunyai kematangan emosi, menghormati perasaan dan hak orang lain, boleh bekerja secara bersendirian dan juga bekerja secara berkumpulan. (iii) Dari segi intelek dapat berkomunikasi dengan baik (membaca, menulis dan bertutur) menggunakan bahasa Malaysia, berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Inggeris, berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Cina dan Tamil (untuk yang berkenaan), memperolehi kemahiran proses sains dan matematik asas, memperolehi kemahiran berfikir asas, kemahiran menaakul dan kemahiran asas dalam menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian murid, mempunyai daya kreatif dan estetika, menghargai keindahan alam dan warisan budaya. (iv) Dari segi rohani dapat mengamalkan nilai murni dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam. (v) Dari segi sosial, murid berkebolehan berkomunikasi dengan mantap, membentuk perhubungan yang positif dengan orang dewasa dan rakan sebaya, menyuarakan pandangan dan perasaan dan bekerjasama dengan orang lain.

3.1 Senario Pendidikan Bahasa Arab Prasekolah di Malaysia

Pendidikan bahasa Arab mendapat tempat yang sewajarnya dalam pendidikan prasekolah kebangsaan. Di Malaysia, terdapat dua jenis prasekolah iaitu; prasekolah di bawah seliaan kerajaan dan swasta. Prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Perpaduan Negara antara prasekolah di bawah

seliaan kerajaan. Kerajaan menyediakan pendidikan prasekolah di sekolah-sekolah di bawah KPM. Berdasarkan angka yang dicatat dalam KPM, sebanyak 6120 buah sekolah yang menawarkan pendidikan prasekolah dengan 9321 buah kelas yang menampung 203,745 orang pelajar prasekolah seluruh negara. Pendidikan prasekolah menyediakan pembelajaran bagi kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum memasuki ke tahun satu.

Kerajaan juga menyediakan pendidikan prasekolah melalui Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) di bawah KEMAS. Berdasarkan laman web KEMAS, sebanyak 8614 buah TABIKA menawarkan pendidikan prasekolah di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 796 buah TABIKA adalah di Selangor. Institusi-institusi pendidikan prasekolah ini berperanan sepenuhnya untuk menjalankan penggunaan KSPK. Pendidikan bahasa Arab antara sub ilmu yang dimuatkan dalam KSPK, di mana bahasa Arab diletakkan di bawah sub Pendidikan Islam.

Pendidikan bahasa Arab juga mendapat tempat dalam pendidikan prasekolah di peringkat negeri misalnya prasekolah di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Di Selangor terdapat 12 buah institusi yang menawarkan pendidikan prasekolah. Bahagian Pendidikan Islam JAIS telah menetapkan matlamat pelaksanaan pendidikan sebagai: “Memberi pendidikan Islam kepada semua individu muslim di negeri Selangor supaya berilmu , beriman, beramal, berakhhlak mulia dan berketrampilan berdasarkan nilai Islam, bagi melahirkan muslim bertaqwah untuk mendapat keredhaan Allah SWT” (Kertas Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam JAIS, 2016). Prasekolah JAIS menetapkan tempoh pembelajaran dua hingga tiga tahun pembelajaran dengan memberikan pengajaran Al-Quran , fardhu ain dan asas Bahasa Arab.

Permintaan yang tinggi dalam kalangan ibubapa telah menyebabkan kewujudan institusi-institusi pendidikan prasekolah yang swasta tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Antara institusi prasekolah swasta yang menawarkan pendidikan bahasa Arab termasuklah Dzuliman Smart Khalifah. Di institusi ini kanak-kanak diberi pendedahan berkaitan bahasa Arab di mana mereka diperkenalkan dengan beberapa perkataan asas bahasa Arab dan huruf hijaiyyah. Tujuan pendidikan bahasa Arab di sini adalah untuk melestari kemahiran bertutur, mengetahui, dan mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran untuk menyemarak kecintaan kepada agama Islam. Institusi prasekolah swasta lain yang menawarkan pendidikan bahasa Arab juga ialah Smart Reader Kids Islamic (Smart Tadris). Program ini telah di bangunkan dengan kerjasama

dari Masjid Negara & Jakim. Antara subjek yang ditawarkan ialah Bahasa Arab, Iqra', Ibadat, Akhlak, Jawi & Akidah di samping empat subjek teras Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik & Sains.

Bahasa Arab mendapat perhatian sewajarnya dalam Kurikulum Standart Prasekolah Kebangsaan (KSPK) di mana Bahasa Arab diletakkan sebagai subjek dalam Pendidikan Islam di bawah tunjang kerohanian, sikap dan nilai. Tunjang Kerohanian, sikap dan nilai merangkumi pendidikan Islam dan pendidikan Moral. Pendidikan Islam dipelajari oleh murid beragama Islam, manakala Pendidikan Moral dipelajari oleh murid lain. Pendidikan Islam memberi pengetahuan dan kemahiran asas tentang Rukun Iman, Rukun Islam, Sirah Rasulullah dan Kalimah Syahadah. Murid prasekolah belajar bersuci, berwuduk, melakukan pergerakan solat, mencontohi beberapa akhlak Rasulullah dan melakukan amalan harian mengikut adab. Pada masa yang sama murid ini juga mengenal asas bahasa Al Quran, huruf hijaiyah dan Jawi serta menghafaz beberapa surah pendek dan doa pilihan. Pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dijalankan melalui aktiviti seperti bercerita, simulasi, menyanyi, bernasyid, aktiviti *hands-on*, meneroka dan bermain.

Selepas mengikuti aktiviti-aktiviti yang berteraskan tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai khususnya komponen Pendidikan Islam, murid dapat mengetahui asas Rukun Iman, Rukun Islam, Sirah Rasulullah dan melafazkan Dua Kalimah Syahadah. Pada masa yang sama, murid dapat bersuci, berwuduk dan melakukan pergerakan solat, mencontohi beberapa akhlak Rasulullah dan melakukan amalan harian mengikut adab. Murid juga dapat mengenal asas bahasa Al Quran, huruf hijaiyah dan Jawi serta menghafaz beberapa surah pendek dan doa pilihan (KSPK, 2010). Melalui Dokumen Standart Kurikulum dan Pentaksiran KSPK (2016) penekanan kepada pendidikan bahasa Arab tertumpu kepada penguasaan asas Al-Quran. Silibus yang disusun meliputi pengenalan kepada huruf-huruf *hijaiyah* serta mempelajari Bahasa Arab mudah diletakkan sebagai asas permulaan dalam standart pembelajaran Pendidikan Islam. Melalui topik tersebut, hasil pembelajaran diharapkan pelajar dapat menyebut huruf *hijaiyah* tunggal berbaris atas (*fathah*), bawah (*kasrah*), dan hadapan (*dhommah*). Manakala melalui pembelajaran Bahasa Arab mudah mensasarkan pelajar mampu untuk mengecam dan menyebut perkataan mudah serta nombor satu hingga sepuluh dalam Bahasa Arab.

Dalam konteks penggunaan kaedah dan strategi pembelajaran, KSPK memberi ruang

kepada para pengajar untuk mengaplikasi mana-mana kaedah atau strategi yang bersetujuan. Melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSPK (2016), dinyatakan bahawa tiada satu kaedah dan strategi yang khusus dan terbaik untuk diaplikasi di dalam kelas yang mempunyai kepelbagaiannya murid. Tenaga pengajar perlu bijak untuk menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tahap pembangunan, keperluan, kebolehan, bakat dan minat supaya pembelajaran dapat dijalankan dengan berkesan dan lebih bermakna. Walau bagaimanapun, KSPK memberi garis panduan beberapa kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh diguna pakai untuk tujuan pembelajaran antaranya termasuklah; (i) pembelajaran berpusatkan murid, (ii) belajar melalui bermain, (iii) pembelajaran berdasarkan inkuiri, (iv) pendekatan bersepadu, (v) pendekatan bertema, (vi) pembelajaran materi, (vii) pembelajaran berdasarkan projek, (viii) pembelajaran kontekstual, dan (ix) pembelajaran berdasarkan kepelbagaiannya kecerdasan.

3.2 Keperluan Modul Bahasa Arab Prasekolah

Isu-isu berkaitan pencapaian, sikap, motivasi, minat, latar belakang dan lain-lain seringkali dibincang di setiap peringkat pendidikan. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati pelajar yang cemerlang dalam bahasa Arab mendapat asas bahasa tersebut bermula daripada peringkat prasekolah. Ini sebagaimana kajian yang dilaksanakan oleh Norfaezah Mohd Hamidin (2016) berkaitan persepsi pelajar, guru dan ibubapa terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di tiga buah sekolah jenis Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di negeri Selangor menunjukkan bahawa pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) bagi subjek Bahasa Arab mempunyai asas bahasa bermula di peringkat prasekolah. Kajian juga mendapati bahawa minat dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa asing perlu bermula daripada seawal usia pelajar iaitu peringkat prasekolah. Kenyataan ini sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Mariati, Robe'ah dan Nurhana (2015) juga mendapati bahawa minat dan motivasi dalam pembelajaran bahasa asing bermula dari awal. Lantaran kepentingan pendidikan bahasa bermula pada peringkat awal, iaitu peringkat prasekolah, Norfaezah Hamidin dan Idi (2016) dalam pembentangan di International Research Management & Innotation Conference (IRMIC 2015) selanjutnya telah mencadangkan untuk mewujudkan modul Bahasa Arab bagi peringkat pendidikan prasekolah.

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dilihat mempunyai masa depan yang cerah dalam pendidikan di Malaysia. Padan tahun 2003, mantan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia telah menyatakan hasrat hatinya untuk mewajibkan semua murid yang beragama Islam mempelajari bahasa Arab melalui program Jawi, Qur'an, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF). Zuraidah (2006) dalam Nik Murshidah & Normila (2011) menyatakan bahawa J-QAF ialah singkatan daripada perkataan Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain dan setiap aksara yang digunakan menggambarkan objektif dan matlamat yang hendak dicapai. J-QAF merangkumi empat objektif utama yang telah digubal untuk dilaksanakan di peringkat permulaan, iaitu kemampuan membaca dan menulis jawi, khatam al-Quran sebelum tamat darjah enam, mampu menguasai asas Bahasa Arab, serta mampu mengetahui hukum-hukum asas Fardhu Ain dan menghayatinya dalam kehidupan (Nik Murshidah & Normila Noruddin, 2011).

Perlaksanaan Bahasa Arab melalui program j-QAF di sekolah-sekolah rendah telah diperluas kepada semua pelajar beragama Islam. Program J-QAF telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada tahun 2005 melibatkan sebanyak 1221 buah (dari keseluruhan 7634 buah) sekolah dengan 4861 buah kelas dan seramai 141 725 orang murid. Pada tahun 2010 program tersebut akan melibatkan 100 peratus iaitu 7835 buah sekolah dan melibatkan kesemua tahun persekolahan. Namun begitu, terdapat sebahagian negeri akan melaksanakan keseluruhan program j-QAF sebelum tarikh tersebut, iaitu antara tahun 2008 dan 2009 (JAPIM 2004, 2007a, 2007b). Walaupun bahasa Arab hanya dilihat sebagai salah satu dari empat komponen j-QAF, namun ketiga-tiga komponen lain amat bergantung kepada penguasaan bahasa. Al-Qur'an diajar dalam bahasa Arab, pelajaran Jawi pula berkait dengan penulisan huruf Arab, dan fardhu Ain pula sedikit sebanyak berkait aplikasi kata bahasa Arab pelajar (Awatif et al., 2017). Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah perlu diikuti daripada tahun satu hingga tahun enam. Dalam Dokumen Standart Bahasa Arab Tahun Satu (2010), dinyatakan objektif pembelajaran bahasa Arab di peringkat rendah dinyatakan sebagai untuk menyemai kecenderungan pelajar dalam mempelajari asas bahasa Arab dan menguasai kemahiran bahasa komunikasi di samping kemampuan untuk berkomunikasi dengan yang lain dengan menggunakan bahasa arab mudah. Lantaran keperluan untuk mengikuti kursus ini bagi pelajar yang beragama Islam di peringkat rendah, kesediaan pelajar di peringkat prasekolah dilihat perlu diperluas.

Sambutan luar biasa daripada masyarakat terhadap prasekolah bertemakan pendidikan Islam memberi gambaran bahawa masyarakat terbuka untuk menerima pendidikan bahasa Arab sebagai sebahagian daripada komponen yang diajar dalam kurikulum prasekolah bertemakan pendidikan Islam ini. Menurut Norfaezah dan Idi (2016) kini masyarakat berlumba-lumba menghantar anak mereka ke prasekolah bertemakan pendidikan Islam seperti Dzul Iman, PASTI, Islamic Montessori, Genius Auladdan Little Caliphs. Namun belum ada sehingga kini kurikulum yang begitu kuat bagi menyokong hasrat murni para ibu bapa agar anak-anak mereka terdidik dengan pendidikan Islam melalui pengantara bahasa Arab. Kebanyakan prasekolah sedia ada menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua walaupun menekankan aspek pendidikan Islam, sedangkan agama Islam tidak boleh dipisahkan dengan bahasa Arab (Norfaezah & Idi, 2016). Institusi lain yang menawarkan pendidikan bahasa Arab di peringkat prasekolah ialah Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI). Menurut Dangiran (2004), pusat-pusat pendidikan awal kanak-kanak seperti Taman Asuhan Kanak-kanak Islam dan Pusat Asuhan Tunas Islam juga mula menawarkan kursus bahasa Arab di peringkat prasekolah. Rentetan daripada itu, kewujudan modul Bahasa Arab yang lengkap dan bersepada di peringkat prasekolah dilihat perlu diberi perhatian.

4.0 RUMUSAN

Ringkasnya pendidikan prasekolah memerlukan pendidikan bahasa Arab. Antara faktor utama yang menjadikan pendidikan bahasa Arab begitu penting di peringkat prasekolah adalah kerana kedudukan bahasa Arab sebagai sub ilmu yang tidak terpisah dengan pendidikan Islam khususnya pembelajaran Al-Quran. Kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran menjadikan bahasa ini sebagai asas utama pendidikan Islam selain untuk menyemarak kecintaan kepada agama Islam. Lantaran kepentingan bahasa Arab ini, KSPK telah meletakkan bahasa Arab sebagai suatu komponen dalam pembelajaran di peringkat prasekolah. Melalui Dokumen Standart Kurikulum dan Pentaksiran KSPK (2016) bahasa Arab jelas diletakkan sebagai komponen dalam pendidikan Islam di bawah tunjang kerohanian, sikap dan nilai.

Selain itu, perlaksanaan program J-QAF di sekolah rendah dilihat membuka ruang dan masa depan yang baik kepada pendidikan bahasa Arab sebagai sebahagian daripada komponen program tersebut. Program J-QAF di sekolah-sekolah rendah malah telah diperluas dan diwajibkan kepada semua murid beragama Islam. Bahasa Arab merupakan komponen yang tidak

terpisah dengan komponen-komponen lain dalam program J-QAF iaitu; Al-quran, pelajaran jawi, dan fardhu ain. Malah bahasa Arab merupakan asas utama kabi ketiga-tiga komponen tersebut. Lantaran keperluan untuk mengikuti kursus ini bagi pelajar yang beragama Islam di peringkat rendah, kesediaan pelajar di peringkat prasekolah dilihat turut perlu diperluas. Malah terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa minat dalam pendidikan bahasa asing bermula daripada awal usia, selain kajian yang membuktikan bahawa kecemerlangan pelajar dalam bahasa Arab di peringkat menengah didasari pendidikan yang bermula seawal prasekolah. Justeru, adalah menjadi suatu keperluan untuk mewujudkan dan mempelbagai modul bahasa Arab prasekolah yang komprehensif agar dapat membantu individu terlibat dalam pendidikan bahasa Arab prasekolah.

RUJUKAN

- Awatif Abdul Rahman, Siti Nurhajariah Md Isa, Norfaezah Mohd Hamidin, & Idi Hamdi. 2017. Pendidikan bahasa arab di peringkat prasekolah: satu tinjauan awal. E-Prosing Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan. Pusat Pengajian Teras: KUIS. Diakses pada 25 Julai 2017. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/25-AWATIF.pdf>
- Dangiran Hj Mustapa. 2004. Memperkasakan Pendidikan Islam. Kertas kerja Seminar Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardhu Ain- j-QAF Peringkat Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur, 3- 5 Mac.
- Dokumen Standart Bahasa Arab Tahun Satu. 2010. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Dokumen Standart Kurikulum & Pentaksiran Pendidikan Prasekolah. 2016. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). 2017. Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Diakses pada 1 Julai 2017. <http://www.kemas.gov.my/index.php/my/program/pendidikan-awal-kanak-kanak>
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2002). Kertas dasar kurikulum semakan bahasa Arab komunikasi & bahasa Arab tinggi di sekolah menengah. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2007a). Buku panduan dasar, pelaksanaan dan Pengurusan kurikulum dan kokurikulum program j-QAF. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2007b). Buku panduan perlaksanaan model-model pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum j-QAF tahun 2. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2017. Prasekolah. Diakses pada 1 Julai 2017. <http://www.moe.gov.my/index.php/my/sekolah/prasekolah>
- Kertas Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam JAIS. 2013. Baagian Pendidikan Islam: Jabatan Agama Islam Selangor (KUIS).
- Kurikulum Standart Prasekolah Kebangsaan. 2010. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nik Murshidah Nik Din & Normila Noruddin. 2011. Penerapan aspek bahasa, budaya dan Pendidikan terhadap buku teks bahasa Arab dalam program J-QAF. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri Jilid 4 (Julai), 2011, 27-4.

Norfaezah Hamidin & Idi Hamdi. 2016. Smart Reader Kids Arabic: Inovasi Dalam Pendidikan Prasekolah. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Edisi Khas Vol. 3, No.2-1 (Jun 2016) 73 – 84.

Norfaezah Bt Mohd Hamidin, Siti Nurhajariah Md Isa, Awatif Abdul Rahman, Idi Hamdi. 2017. Pendidikan awal kanak-kanak di malaysia: kajian literatur. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan. Pusat Pengajian Teras: KUIS. Diakses pada 25 Julai 2017.
<http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/26-DR-NORFAEZAH.pdf>

Smart Reader Kids Islamic. 2017. Program dan senarai subjek. Diakses pada 30 Jun 2017. <http://smartreader.edu.my/smart-reader-kids-islamic/>.

Dzul ImanSmart Khalifah. 2017. Kurikulum akademik. Diakses pada 30 Jun 2017. <http://dzuliman.com/academic-curriculum/>.

Norfaezah Mohd Hamidin. 2016. Persepsi pelajar, guru dan ibubapa terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di SMKA. Tesis Phd. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.